

Meningkatkan Penggunaan Imbuan Melalui Strategi Pengajaran Berasaskan ICT

Sheikha Fadzlon Shaik Yakob

sheikha_fadzlon_shaik_yakob@moe.edu.sg

Lyana Sarie Dewi Mohamed

lyana_sarie_dewi_mohamed@moe.edu.sg

Sekolah Rendah East Spring

Abstrak

Pengamatan yang dijalankan oleh guru mendapati bahawa tahap pemahaman murid-murid dalam menjawab soalan-soalan bahagian imbuan dalam kertas penilaian PSLE agak lemah. Guru mendapati murid-murid mengalami kesukaran menggunakan imbuan bentuk awalan meN- terutama bagi kata dasar yang bermula dengan huruf *p*, *t*, *k*, *s* kerana ia mengalami perubahan pada huruf awal. Walaupun konsep perubahan ini sudah diajarkan kepada murid-murid, mereka masih tidak memahami konsep ini sepenuhnya. Selain daripada itu, murid-murid agak sukar mengaplikasikan konsep ini ketika mereka perlu menjawab soalan-soalan imbuan yang terdapat dalam teks petikan. Murid-murid juga hanya menggunakan perkataan berimbuan dalam situasi formal. Dengan itu, mereka tidak dapat menggunakan imbuan meN- dengan betul dalam penulisan dan situasi formal. Hal ini menjejaskan pembinaan ayat mereka sehingga menjejaskan prestasi mereka dalam latihan dan ujian Bahasa Melayu. Untuk menyelesaikan masalah ini, guru-guru telah mengajar aspek bahasa ini secara eksplisit dengan menggunakan kaedah Kajian Pengajaran. Guru juga memilih penggunaan ICT yang sesuai untuk membantu murid-murid memahami konsep imbuan.

Kata Kunci: imbuan, ICT, prestasi, eksplisit



PENGENALAN

Kajian Pengajaran merupakan satu usaha kolaboratif dan sistematik untuk meningkatkan pembelajaran murid dan pengajaran guru. Lazimnya, pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang berlaku di sekolah sering berpusatkan guru, termasuklah untuk imbuhan apitan '*meN-...i*', dan '*meN-...-kan*'. Murid akan didedahkan kepada konsep, bentuk dan contoh penggunaan imbuhan '*meN-...i*' dan '*meN-...-kan*'. Kaedah pengajaran ini bersifat deduktif dan condong ke arah penghafalan serta tidak menggalakkan murid berfikir secara kritis. Oleh itu, pendekatan induktif diperkenalkan kepada murid untuk menggalakkan budaya berfikir dalam kalangan mereka. Guru berperanan sebagai agen motivasi dan bertanggungjawab membina minat murid terhadap pembelajaran bahasa Melayu menerusi teknik menyoal secara bertahap-tahap atau secara perancangan. Berlandaskan teori konstruktivisme sosial yang diperkenalkan oleh Vygotsky, Dewey, dan Bruner (1958) kebolehan murid menggarap konsep dan belajar secara berkesan berlaku apabila murid membina sendiri pengetahuan atau konsep secara aktif berdasarkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada. Dalam proses ini, murid akan menyesuaikan pengetahuan yang diterima dengan pengetahuan sedia ada untuk membina pengetahuan baharu. Pembelajaran berlaku dalam situasi sosial dan aktif yang membolehkan murid membina dan berkongsi pengetahuan dengan rakan. Dengan perkongsian ilmu, murid dapat menilai dan meningkatkan pengetahuan diri dan kemahiran berfikir.

PERNYATAAN MASALAH

Pemilihan tajuk kajian ini berdasarkan pengamatan guru-guru terhadap hasil kerja murid Darjah 5 kohort 2018, khususnya dalam latihan kefahaman, penulisan karangan dan pembinaan ayat. Satu ujian telah dijalankan bagi mengenal pasti kelemahan murid dari segi pengimbuhan. dan guru mendapati murid mengalami kesukaran menggunakan bentuk awalan *meN-* terutama bagi kata dasar yang bermula dengan **p**, **t**, **k** dan **s** kerana ia memerlukan pengguguran dan perubahan pada huruf awal perkataan. Walaupun konsep pengguguran ini telah diajarkan kepada murid-murid, mereka masih tidak dapat memahami konsep ini sepenuhnya. Guru juga mendapati bahawa murid-murid memiliki kelemahan dari segi penggunaan imbuhan apitan '*meN-...-kan*' dan '*meN-...-i*'.

Selain daripada itu, murid agak sukar untuk mengingat konsep ini kerana pengajaran yang dijalankan sebelum ini dilakukan secara insidental. Pengajaran secara insidental ini banyak memerlukan pengetahuan sedia ada murid. Oleh sebab murid tidak menggunakan imbuhan ini dalam pertuturan



harian mereka dan hanya menggunakan perkataan berimbuhan dalam situasi formal, mereka tidak dapat menggarap konsep ini dengan baik.

Dengan itu, mereka tidak dapat menggunakan imbuhan meN- dengan betul dalam penulisan. Ada juga murid yang tidak membubuh imbuhan langsung kerana tidak pasti bentuk meN- yang mana harus digunakan. Hal ini menjejaskan pembinaan ayat mereka dan menyebabkan mereka kehilangan markah sehingga menjejaskan prestasi mereka dalam ujian bagi subjek bahasa Melayu.

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah seperti yang berikut:

1. menilai keberkesanan strategi pengajaran imbuhan yang berstruktur dan menerapkan penggunaan ICT; dan
2. meningkatkan keupayaan murid-murid untuk menggunakan imbuhan yang gramatis dalam pembinaan ayat.

KAJIAN LEPAS

Mantan Perdana Menteri Encik Goh Chok Tong telah menggariskan visi Singapura menghadapi cabaran pada masa hadapan menerusi '*Thinking Schools, Learning Nation*' pada tahun 1997. Untuk merealisasikan '*Thinking Schools*' perlu ada para pendidik yang berfikir dan sentiasa berusaha untuk memperbaiki pedagogi mereka serta mempelajari sesuatu yang baharu. Seajar dengan ini, Kajian Pengajaran merupakan satu wadah yang sesuai untuk mempertingkatkan pembangunan profesional di samping menangani isu pedagogi dalam pengajaran dan pembelajaran.

Menurut Spars (1999) Kajian Pengajaran merupakan satu proses kolaborasi yang melibatkan guru-guru dalam kajian berlanjutan, secara intelektual dengan teliti tentang apa yang mereka ajarkan dan bagaimana mereka mengajar topik tersebut. Kajian Pengajaran adalah proses pembangunan profesional yang dipelopori oleh guru-guru di negara Jepun di mana mereka mengkaji secara sistematik amalan pengajaran mereka dengan tujuan menjadikan sesi itu lebih efektif. Kajian ini memberi tumpuan kepada kerjasama guru dalam kajian pelajaran. Guru-guru bekerjasama dalam kajian ini dan terlibat dalam perancangan, pengajaran, pemerhatian dan kritikan pelajaran yang dijalankan. Bahkan, Kajian Pengajaran juga meneroka idea untuk meningkatkan pemikiran, membantu mencari penghuraian masalah, memahami topik serta memperluas kemahiran dan keupayaan.



Menerusi Kajian Pengajaran guru dapat meraih pemahaman yang lebih baik tentang cara murid belajar dan guru mengajar. Kajian Pengajaran juga meningkatkan pembelajaran secara sistematik dan kolaboratif. Seorang guru dapat menimba pengetahuan melalui proses kerja sama dengan guru lain.

KAEDAH KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini mengandungi beberapa peringkat iaitu peringkat awal pengajaran, peringkat penerangan dan peringkat pemfokusan.

Peringkat Awal Pengajaran

Pada peringkat awal pengajaran, murid-murid diperkenalkan kepada asas morfologi bahasa Melayu, iaitu mengenai pembentukan kata. Murid-murid diajar tentang perbezaan antara kata dasar dengan kata terbitan. Pengajaran ini dilakukan dengan menggunakan model pengajaran induktif. Murid terlebih dahulu diperkenalkan kepada konsep imbuhan. Untuk mengukuhkan konsep ini, murid akan mengenal pasti semua perkataan berimbuhan yang mereka temui dalam sebuah teks secara individu atau berpasangan.

Peringkat Penerangan

Pada peringkat penerangan, murid didedahkan kepada konsep pengimbuhan apitan 'meN-...-kan' dan 'meN-...-i'. Murid juga diberi penerangan tentang perubahan huruf pertama dalam kata dasar yang bermula dengan huruf **p, t, k** dan **s**.

Peringkat Pemfokusan

Pada peringkat pemfokusan, fokus utama diberikan kepada fungsi dan penggunaan imbuhan apitan meN-....-kan dalam bahasa Melayu. Murid diminta memfokuskan kepada hasil imbuhan apitan 'meN-...-kan' iaitu kata kerja terbitan.

Amalan Pengajaran Singapura (STP) yang diterapkan dalam kajian ini memberi penekanan pada dua proses pengajaran, iaitu pelaksanaan pelajaran dan penilaian dan maklum balas. Bagi pelaksanaan pelajaran, aspek pengajaran menggunakan aktiviti mengajar mengaktifkan semula pengetahuan sedia ada murid mengenai imbuhan sejak dari Darjah 3. Bagi memperdalam pembelajaran dengan penerapan, ICT, Quizlet digunakan sebagai alat untuk mengukuhkan pengetahuan murid. Murid diberi latihan bagi menguasai



imbunan-imbunan yang dipelajari. Berikut merupakan penerangan ringkas bagi dua proses pengajaran tersebut.

Jadual 1: Penerapan Amalan Pengajaran Singapura

Proses Pengajaran	Aspek Pengajaran	Aktiviti Mengajar
Pelaksanaan Pelajaran	AP13: Mengaktifkan Pengetahuan Sedia Ada	AM1: Fikir-Berpasangan-Berkongsi Murid diberikan beberapa perkataan yang berimbunan meN-...-kan berdasarkan gambar yang diberikan. Secara berpasangan, mereka memecahkan perkataan-perkataan kepada apitan dan kata dasar. Murid memberikan beberapa perkataan yang berimbunan meN-...-kan berdasarkan video yang dipaparkan.
Penilaian dan Maklum Balas	AP24: Menyediakan Tugas yang Bermakna	AM3: Latihan untuk Menguasai Murid diberikan Quizlet dan lembaran kerja bagi mengukuhkan lagi pengetahuan murid tentang imbunan yang dipelajari.
Penerangan dan Justifikasi	Pada mulanya, murid-murid tidak mengenali fungsi dan penggunaan imbunan. Selepas kajian, murid-murid dapat memahami pelajaran Slaid powerpoint dan Quizlet digunakan secara meluas dalam sesi pembelajaran.	

Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada 24 orang murid Darjah 5. Sebahagian besar daripada mereka mempunyai asas yang kukuh bagi kemahiran mendengar dan bertutur. Sebahagian besar murid ini menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa komunikasi utama di rumah. Ramai daripada murid ini kurang membaca bahan-bahan dalam bahasa Melayu.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan adalah seperti berikut:

1. Rancangan Pelajaran
2. Klip video – mengenal pasti perkataan berimbunan meN-
3. Rubrik penilaian



Respons murid semasa perbincangan turut dinilai untuk memantau pemahaman murid mengenal pasti kata dasar dalam perkataan berimbuhan meN-. Ujian dijalankan dan markah yang diperolehi daripada ujian digunakan sebagai alat penilaian tentang keberkesanan kaedah yang digunakan dalam pengajaran.

Prosedur Kajian

Guru melaksanakan aktiviti PdP secara terpadu dan berstruktur melalui dua kitaran pengajaran:

Kitaran Pengajaran 1

Murid-murid didedahkan kepada pembelajaran variasi meN- berdasarkan konteks secara terperinci. Murid menonton klip video yang mengandungi perkataan berimbuhan meN-. Murid sangat teruja apabila menonton video dan dapat mengenal pasti penggunaan imbuhan di dalam video tersebut.

Apabila guru mengaitkan penggunaan imbuhan yang terdapat dalam klip video, murid dapat mengenal pasti penggunaan dan maksudnya. Selepas itu secara berkumpulan, mereka membentuk perkataan berimbuhan meN-.

Kitaran Pengajaran 2

Dalam kitaran 2, guru mengingatkan murid tentang pengetahuan dan kemahiran bahasa yang merangkumi variasi imbuhan meN- dan makna imbuhan. Ini bertujuan untuk mendedahkan murid-murid kepada bentuk dan fungsi imbuhan.

Semasa aktiviti berkumpulan, murid-murid diberi sekeping gambar dan mereka diminta mengklasifikasikan perkataan berimbuhan berdasarkan variasi imbuhan. Berbekalkan pengetahuan sedia ada, murid dapat membuat aktiviti secara sendiri. Murid digalakkan menyenaraikan segala aktiviti yang terdapat dalam bahan visual itu.

Pada akhir pelajaran, murid dapat mengaitkan aktiviti melakarkan senarai kategori perkataan berimbuhan dengan konteks yang diberikan.

Dalam proses pelaksanaan Kajian Pengajaran, pelajar didedahkan kepada pengajaran bersifat induktif secara bertahap-tahap:



- Langkah 1: menguji pengetahuan sedia ada murid
- Langkah 2: menginterpretasi gambar/video menggunakan perkataan berimbuhan ‘meN-...-kan’ dan ‘meN-...-i’.
- Langkah 3: mengenal pasti Kata Dasar, Imbuhan dan Jenis Apitan
- Langkah 4: menilai dan memperbaiki kesalahan ahli-ahli kumpulan lain
- Langkah 5: Penutup/Aktiviti susulan

Apabila aktiviti kumpulan dijalankan, guru memainkan peranan sebagai fasilitator. Bagi memantau dan menilai pencapaian murid, satu praujian telah dijalankan sebelum pelaksanaan kajian pengajaran ini. Dapatan ujian itu menunjukkan tiada murid yang berjaya memperoleh markah penuh. Namun setelah menjalani kitaran kajian pengajaran ini, guru mendapati bahawa pascaujian yang dijalankan menunjukkan satu peningkatan dalam pencapaian murid. 32% murid yang menduduki pascaujian tersebut memperoleh markah yang jauh lebih baik daripada pencapaian praujian.

Guru pengkaji telah menyelitkan subobjektif untuk setiap langkah pengajaran agar dapat memantau pemahaman murid dari berdasarkan penilaian formatif. Rubrik penilaian untuk pembelajaran disediakan oleh guru kumpulan penyelidik untuk memberikan pendekatan pengajaran yang bersifat holistik dan berkesan untuk memastikan pembelajaran telah berlaku dengan jayanya

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Secara umum, murid melibatkan diri secara aktif ketika berlangsungnya pembelajaran. Kegiatan berpusatkan murid berjaya meningkatkan minat mereka. Latihan bertulis memperlihatkan peningkatan yang memberangsangkan. Murid mampu untuk mencerap dan mengaplikasikan konsep imbuhan yang dipelajari dengan berkesan melalui ayat yang dibina.


Dari segi pencapaian murid, dapat dilihat peningkatan daripada ujian saringan hingga ke diagnostik SA2 dalam Jadual 3 dan Rajah 1 di bawah ini.

Jadual 2: Pencapaian Murid dalam Latihan Imbuhan

Ujian Saringan	Diagnostik 1	Diagnostik 2	SA1	SA2
(20 markah)	(20 markah)	(20 markah)	(20 markah)	(20 markah)
30%	32.1%	35.7%	39.1%	79%



Rajah 1: Trend Pencapaian Murid



Berdasarkan Jadual 2, peningkatan peratusan dapat dilihat secara ketara, iaitu sebanyak 49% daripada ujian saringan kepada ujian SA2. Ini menunjukkan bahawa sesi PdP yang dijalankan terutama yang berfokus kepada penggunaan pengimbuhan apitan meN-...-kan dan meN-...-i telah berjaya dikuasai murid.

KESIMPULAN

Sesi pengajaran yang dijalankan seharusnya dapat meningkatkan pengetahuan murid tentang sesuatu topik. Apabila ada perubahan dari segi sikap dan kelakonan murid maka boleh dikatakan pembelajaran telah berlaku. Oleh itu, Kajian Pengajaran menawarkan proses PdP yang berstruktur dan bermatlamat. Di samping itu, Kajian Pengajaran menonjolkan pentingnya guru membuat renungan terhadap proses PdP. Sikap saling bekerjasama perlu wujud dalam kalangan guru kerana Kajian Pengajaran menuntut para guru untuk sering bekerjasama dan saling memberi dorongan serta pandangan yang bersifat konstruktif.

Kajian Pengajaran yang telah dijalankan ini berkesan dan mencapai matlamat bagi memperbaiki kekurangan yang dihadapi murid tentang imbuhan. Kitaran pelajaran dan pembetulan serta pembaikan dalam sesi pengajaran

telah membina dan mengukuhkan lagi pengetahuan sedia ada murid tentang imbuhan.

Ternyata, Kajian Pengajaran merupakan satu wadah yang dapat membantu guru memperhalus dan memperdalam ilmu asas pedagogi (*pedagogical content knowledge*) dan berkongsi mengenai pembelajaran murid di samping menyediakan platform untuk guru mempertingkatkan profesionalismenya.

Kesimpulannya, kajian ini secara tidak langsung telah menunjukkan perlunya untuk guru-guru mengambil langkah yang proaktif untuk mengenal pasti kelemahan yang dihadapi oleh murid. Guru juga menghasilkan idea-idea yang lebih bernas dalam menjalankan pengajaran dalam bilik darjah bagi merealisasikannya, pelaksanaan pengajaran secara berkesan dengan mengambil kira proses dan aspek pengajaran yang terdapat di dalam STP.

Guru yang turut terlibat dalam kajian:

1. Norsuhailah Abdul Rauf
2. Azah Abdul Aziz
3. Jumaeyah Zainalabidin
4. Siti Nafisa Mohd Daud

RUJUKAN

Dewey, J. (1958). *Experience and nature*. New York: Dover Publications.

Campbell. (2002). *Lesson Study Research Project – Fall Report* daripada lalaman <http://www.tc.columbia.edu/lessonstudy/doc/LSR.Campbell.pdf>

Pusat Bahasa Melayu Singapura (2018). *Amalan pengajaran Singapura*. Singapura: Oxford Graphic Pte Ltd.

Sparks. (1999). *Using lesson study to improve teaching* daripada lalaman <http://www.tc.columbia.edu/lessonstudy/doc/LSR.Campbell.pdf>.

